



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

(Bagi Minggu 2/2018 dari 7 hingga 13 Januari 2018)

Pemantauan di Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan menunjukkan terdapat peningkatan kes Demam Denggi sejak enam (6) minggu yang lepas dan ini adalah petanda amaran. Sejumlah 1,151 kes Denggi telah dilaporkan pada minggu ke-2, iaitu bagi tempoh 7 sehingga 13 Januari 2018, peningkatan 117 kes (11.3%) berbanding minggu sebelumnya iaitu 1,034 kes. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Denggi sehingga minggu lepas adalah 2,185 kes berbanding 3,539 kes bagi tempoh yang sama tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak 1,354 kes (38.3%). Berdasarkan analisa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), terdapat empat (4) negeri yang menunjukkan peningkatan kes untuk tempoh yang sama berbanding tahun sebelumnya iaitu Perlis, Pulau Pinang, Sabah, dan WP Labuan.

Terdapat satu (1) kes kematian Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-2 di Selangor, menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak dua (2) kematian, berbanding tujuh (7) kematian bagi tempoh yang sama tahun 2017, pengurangan sebanyak lima (5) kematian (71.4%). Jumlah lokaliti wabak semasa turut meningkat sebanyak 35 lokaliti (12%), iaitu 326 lokaliti pada minggu ke-2 berbanding 291 lokaliti pada minggu sebelumnya. Namun demikian, bilangan lokaliti *hotspot* menunjukkan penurunan sebanyak tiga (3) lokaliti iaitu daripada 24 lokaliti pada minggu pertama kepada 21 lokaliti pada minggu ke-2 yang melibatkan empat (4) buah negeri iaitu Selangor (14 lokaliti), Johor (4 lokaliti), Pulau Pinang (2 lokaliti) dan Sabah (1 lokaliti).

KKM telah menerima laporan satu (1) kes baru untuk Chikungunya pada minggu ke-2 dari Daerah Panampang, Sabah, menjadikan jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga 13 Januari 2018 adalah dua (2) kes iaitu masing-masing satu (1) kes dari Kelantan dan Sabah. Pada tempoh yang sama juga, pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) ke atas 21 sampel darah di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika mendapati keputusan kesemua ujian adalah negatif.

Menghapuskan Aedes adalah tanggungjawab bersama setiap individu di dalam komuniti. Setiap orang bertanggungjawab terhadap persekitaran masing-masing kerana mereka adalah orang yang pertama yang akan dijangkiti jika persekitaran adalah kondusif untuk pembiakan nyamuk Aedes. Oleh demikian, berikut adalah antara aktiviti kawalan dan pencegahan yang boleh dilaksanakan di peringkat individu:

- Tutup semua bekas menyimpan air untuk mencegah nyamuk bertelur
- Menggantikan air dan basuh sehingga bersih pasu bunga, alas pasu, kolah mandi dan sebagainya seminggu sekali
- Bersihkan saluran air hujan (saluran bumbung) supaya tiada air bertakung
- Pastikan tempat bertakung air seperti tayar buruk, kaca atau tin kosong, bekas plastik dan sebagainya dibuang atau ditanam untuk mengelak menjadi tempat pembiakan Aedes
- Meletakkan bahan pembunuh jentik-jentik ke dalam takungan air yang tidak dapat dibuang

**Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**

  
**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**

Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**19 Januari 2018**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 2/2018  
(7 hingga 13 Januari 2018)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 2/2018		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 2/2017	
		Minggu 2/2018 (7 – 13 Jan 2018)		Minggu 1/2018 (31 Dis 2017 – 6 Jan 2018)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	10	0	1	0	11	0	3	0
2	Kedah	25	0	20	0	45	0	48	0
3	P. Pinang	82	0	95	0	177	0	83	0
4	Perak	57	0	39	0	96	0	217	2
5	Selangor	560	1	490	0	1,050	1	1,851	2
6	WP KL & Putrajaya	106	0	78	1	184	1	298	0
7	N. Sembilan	19	0	21	0	40	0	127	1
8	Melaka	13	0	11	0	24	0	101	0
9	Johor	140	0	140	0	280	0	287	1
10	Pahang	23	0	15	0	38	0	130	0
11	Terengganu	3	0	1	0	4	0	17	0
12	Kelantan	21	0	28	0	49	0	196	0
13	Sarawak	14	0	16	0	30	0	76	0
14	Sabah	77	0	79	0	156	0	105	1
15	WP Labuan	1	0	0	0	1	0	0	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1,151</b>	<b>1</b>	<b>1,034</b>	<b>1</b>	<b>2,185</b>	<b>2</b>	<b>3,539</b>	<b>7</b>

\* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 2/2018  
(7 hingga 13 Januari 2018)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokality	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana (South City Condo)	15	81
2	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 7 : Teres	23	73
3	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Perdana 6/2,6/4,6/6,6/8&6/10 Pandan Perdana	16	62
4	P PINANG	Timur Laut	Taman Terubong Indah	14	60
5	SELANGOR	Petaling	Bg Seksyen 51a Flat Impian Baiduri	10	49
6	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Kenari Taman Impian Ehsan	20	46
7	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desakarun Mas	13	43
8	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Pasir Putih_Jln Selasih	7	41
9	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Pulau Utama_Flat Taman Pulau Utama	20	41
10	P PINANG	Timur Laut	Desa Mawar	13	40
11	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Perdana 4 (Flat Blok A - G)	8	40
12	SELANGOR	Petaling	Seksyen U13 (Pusat Komersial:Jln Ay U13/Ay , Bb U13/Bb - Bf U13/Bf )	5	38
13	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Gv12	6	37
14	SELANGOR	Klang	Kapar(Jln Dato Tahir 1)	12	37
15	JOHOR	Johor Bharu	Perjiranan 9_Tmn Air Biru	13	36
16	SELANGOR	Klang	Taman Klang Perdana ( Jln Klang Perdana 2 )	9	34
17	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 4 (Jln 18/47- 18/58)	7	34
18	SABAH	Tawau	Ju44 Kampung Baru Pasir Putih	15	33

19	SELANGOR	Klang	Off Jln Meru (Jln Beroga)	6	32
20	JOHOR	Johor Bharu	Uitm Pasir Gudang	16	31
21	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Sri Intan Lembah Jaya Selatan	5	31